

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB MAHFUZ B. OMAR (POKOK SENA)

TARIKH : 17 OGOS 2020

SOALAN

DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik pendatang tanpa izin (PATI) yang telah ditangkap sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa dan nyatakan berapa ramaikah yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka mengikut negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikuatkuasakan bermula pada 18 Mac 2020 bagi membendung penularan wabak Covid-19 di seluruh negara. Bagi tempoh pelaksanaan PKP tersebut, jumlah tahanan warga asing di 14 buah Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 2 Julai 2020 adalah seramai 15,281 orang.

Manakala, jumlah penghantaran pulang tahanan yang berada di Depot Tahanan Imigresen dari 18 Mac 2020 sehingga 1 Julai 2020 adalah seramai 5,951 orang.